

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 19.11.2014

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada rayuan Jemaah Pengelola Sekolah supaya nama SMK Jit Sin II dapat diluluskan sebagai SMJK (Cina) Jit Sin II atau SMK Cina Jit Sin II dapat dipertimbangkan. Sama ada pengajaran Bahasa Cina dapat ditambah kepada 6 waktu seminggu. Adakah mata pelajaran Bahasa Cina dapat diwajibkan untuk semua pelajar di sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan tentang penubuhan sesebuah sekolah adalah berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Seksyen 30 Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahawa pendidikan menengah yang boleh diadakan adalah sekolah menengah kebangsaan sahaja. Justeru itu, **cadangan untuk menamakan sekolah ini sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan (Cina) Jit Sin II tidak diperuntukkan oleh Akta Pendidikan 1996.**

Pengajaran Bahasa Cina yang telah diluluskan adalah sebanyak lima (5) waktu seminggu berdasarkan kepada ciri yang ditawarkan di SMJK Jit Sin sedia ada seperti yang telah dipersetujui sebelum ini. Walaupun

peruntukan masa berkurangan, murid masih berpeluang mengaplikasi bahasa tersebut sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain yang diajar dalam bahasa Cina.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat , perundangan sedia ada hanya mewajibkan murid di peringkat menengah untuk mengambil mata pelajaran **teras** sahaja iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Pendidikan Islam (bagi murid yang menganut agama Islam) atau Pendidikan Moral (bagi murid bukan Islam). Mata pelajaran Bahasa Cina tidak termasuk sebagai salah satu mata pelajaran wajib kepada semua pelajar.

RJM128